

KOTA KINABALU: Malaysia Techlympics 2024 berjaya menerapkan aspek keseronokan dalam kalangan belia khususnya pelajar sekolah untuk membudayakan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Timbalan Menteri, Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Mohammad Yusof Apdal ketika berucap merasmikan Malaysia Techlympics 2024 berkata, pertandingan itu diteruskan tahun ini sebagai satu inisiatif konsisten Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membudayakan STI dalam kehidupan rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan murid, pelajar serta belia.

Bagi memupuk kembali minat generasi muda kepada STI, MOSTI bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) membawakan inisiatif baharu menerusi Malaysia Techlympics yang diperkenalkan sejak 2022.

Penganjuran Malaysia Techlympics 2024 dilaksanakan bermula Julai hingga November tahun ini di seluruh negara melalui penganjuran secara fizikal dan dalam talian bagi meningkatkan penyertaan dan pencapaian oleh masyarakat setempat.

Salah satu pakar yang dilantik untuk membina modul Malaysia Techlympics 2024 Dr. Kamarulzaman Ahmad berkata, inisiatif ini bertujuan menggalakkan pelajar dan belia di negara ini melalui pertandingan yang menyeronokkan, serta menyediakan pengalaman berkaitan industri dengan memanfaatkan bidang STI.

Katanya, MOSTI amat komited dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memupuk minat para pelajar dan belia terhadap STI.

Menurutnya, ia dilaksanakan menerusi program Malaysia Tech-



SERONOK: Kamarulzaman (kiri) melihat pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sepulut Nabawan bertanding untuk Modul Goolee.

lympics yang membudayakan STI melalui program-program di luar bilik darjah yang berterusan kepada golongan sasaran.

Inisiatif berkenaan jelasnya, melibatkan golongan kanak-kanak dan pelajar di peringkat sekolah serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam memperkasakan agenda STI negara.

"Tema dan misi yang dibawakan dalam program ini adalah untuk mencetuskan idea dalam memperkasakan teknologi menerusi pendekatan yang menyeronokkan.

"Pada masa kini manusia dibudayakan dengan keseronokan. Justeru, pertandingan STI yang dianjurkan itu perlu disampaikan secara santai.

"Kalau kita sampaikan STI secara akademik semata-mata ia tidak akan menjadi dan sebab itulah pendekatan kita sangat mudah untuk disampaikan agar setiap pelajar lebih suka kepada sains dan teknologi untuk mereka berinovasi.

"Dengan tema dan misi ini, kita

akan lihat di ruang lapangan, kebanyakan peserta yang bertanding seronok dalam mencetuskan idea," katanya kepada Utusan Borneo sempena Malaysia Techlympics 2024 Peringkat Zon Sabah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dekat sini pada Khamis.

Beliau berkata, sambutan peserta yang mengikuti Malaysia Techlympics di Sabah sangat memberangsangkan dan para pelajar menunjukkan disiplin yang sangat baik.

Menurutnya, kebanyakan pelajar sudah bersedia sedia untuk menghasilkan idea dan mempersembahkan setiap inovasi mereka.

Dalam pada itu beliau berkata, setiap peserta akan dinilai dari segi cara penyampaian bagi setiap idea yang dihasilkan kerana setiap idea perlu dilihat dari cara pelajar menyampaikan idea masing-masing.

"Bagi pertandingan tahun ini, penambahbaikan yang saya lihat adalah dari segi inklusiviti kerana kali ini kita ada inangkaun kerana mereka yang kurang upaya.

"Contohnya kita ada modul baharu iaitu Modul Goolee yang diperkenalkan tahun ini yang mana ia turut melibatkan peserta yang orang kelainan upaya (OKU).

Menurutnya, setiap pelajar mesti mengambil peluang kerana pendaftaran percuma dan peringkat saringan juga hanya dijalankan secara atas talian tanpa memerlukan sebarang kos.

Katanya, para peserta hanya perlu datang untuk bermain sahaja dan setiap pendaftaran akan mendapat Sijil Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama MOSTI.



IDEA: Setiap peserta menghasilkan idea menerusi pendekatan yang lebih seronok dan santai.